

08 AUG 2003

Koh-Kerusi

GERAKAN YAKIN TIDAK DISABOTAJ KERANA ISU KERUSI

PULAU PINANG, 8 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yakin tidak akan berlaku sabotaj sesama parti-parti komponen Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang berhubung isu pemulangan semula kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas dan Datuk Keramat, kepada parti Gerakan.

Beliau berkata semua parti komponen BN sudah matang dan tidak akan sabotaj satu sama lain kerana ia akan menimbulkan pelbagai implikasi negatif kepada BN.

"Tujuan sebenar kita bukan untuk berebut kerusi tetapi untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya pada persidangan media di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau yang juga Naib Presiden Gerakan mengulangi pendirian partinya bahawa kedua-dua kerusi itu perlu dipulangkan kepada Gerakan pada pilihan raya akan datang sebagai mematuhi prinsip dan amalan BN.

Kedua-dua kerusi itu kini diwakili MCA selepas Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Lim Boo Chang, dan Bayan Lepas, Lim Chien Aun, melompat dari Gerakan kepada MCA selepas pilihan raya umum lepas.

Dr Koh yang juga Pengerusi BN Negeri berkata, walaupun kedua-dua Adun itu sudah menyertai MCA selepas memenangi kerusi tersebut atas tiket Gerakan, ia tidak bermakna mereka boleh membawa bersama kerusi tersebut.

"Isu mereka bekerja kuat dan memberikan perkhidmatan yang baik di kawasan mereka tidak timbul di sini.

Mereka tidak boleh lompat dari satu parti ke parti lain dan membawa bersama-sama kerusi masing-masing kerana ini akan menggalakkan parti-parti berebut kerusi," katanya.

Katanya prinsip yang diamalkan oleh BN bukanlah perebutan kerusi sesama rakan komponen, dan semangat itu perlu dihormati dan diamalkan.

"Mengikut amalan dan prinsip BN, jika terdapat mana-mana wakil BN yang melompat ke parti lain, kerusi yang dimenangnya harus dipulangkan kepada parti asal," kata beliau.

Dr Koh mengambil contoh kes bekas Anggota Parlimen Ulu Selangor, Datuk Michael Chen, yang memenangi kerusi itu atas tiket MCA, tetapi apabila beliau menyertai Gerakan pada 1981, kerusi itu dipulung kepada MCA pada pilihan raya umum 1982.

Katanya apabila bekas Adun Tanjung Bungah, Khoo Boo Yeang, dari Gerakan menyertai MCA, kerusi itu dipulangkan kepada Gerakan pada pilihan raya umum 1988.

"Itulah amalan dan prinsip BN, kedua-dua mereka begitu 'gentlemen' dan saling bantu-membantu calon-calon lain yang mengambil alih tempat mereka," kata beliau.

Katanya sekiranya amalan itu tidak dipatuhi, lebih banyak tindakan melompat parti berlaku dan akhirnya menimbulkan pelbagai masalah serta menjejaskan hubungan antara parti komponen.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting baru-baru ini berkata, MCA mahu berunding dengan Gerakan bagi menentukan calon komponen BN mana yang berhak bertanding di Bayan Lepas dan Datuk Keramat pada pilihan raya umum akan datang.

Menurut Ong, walaupun kedua-dua kerusi tersebut secara tradisi diwakili Gerakan, perbincangan itu perlu kerana kedua-dua kawasan itu telah berubah jadi kawasan MCA selepas pilihan raya umum 1999.

Sementara itu, Dr Koh berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dijadualkan merasmikan persidangan perwakilan Gerakan sempena sambutan ulangtahun ke-35 parti itu di Kuala Lumpur pada 23 Ogos ini.

Katanya, majlis itu sangat bermakna kepada Gerakan kerana ia merupakan kali terakhir Dr Mahathir yang juga Presiden BN menyempurnakan perasmiannya sebelum beliau bersara pada Okt ini.

-- BERNAMA

SA ZS ZB